# Syor penjawat awam kerja dari rumah bantu tugasan di PKRC

Ogos 14, 2021 @ 1:10pm



Ketua Pengarah Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) Datuk Dr Aminuddin Hassim ketika membuat lawatan ke Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC) Dewan Jubli Perak di Kota Bharu, hari ini. - Foto BERNAMA

KOTA BHARU: Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) sedang meneliti cadangan penjawat awam yang bertugas dari rumah akan diminta untuk membantu penugasan perkeranian di Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC) di seluruh negara.

Ketua Pengarah NADMA, Datuk Dr Aminuddin Hassim, berkata cadangan itu akan dibawa untuk perbincangan antara pihaknya bersama Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan kerajaan negeri.

Beliau berkata ketika permulaan penularan COVID-19, jumlah petugas di PKRC adalah mencukupi namun apabila ada antara mereka terpaksa bekerja hampir 24 jam sehari dan tujuh hari seminggu selain ada petugas positif COVID-19, berlaku pengurangan kakitangan yang boleh digerakkan di lokasi berkenaan.

"Oleh itu antara ideanya ialah berbincang dengan JPA dan kerajaan negeri untuk menggunakan penjawat awam (agensi dan jabatan lain) yang sekarang bekerja dari rumah untuk digerakkan di kawasan yang memerlukan bantuan.

"Oleh itu antara ideanya ialah berbincang dengan JPA dan kerajaan negeri untuk menggunakan penjawat awam (agensi dan jabatan lain) yang sekarang bekerja dari rumah untuk digerakkan di kawasan yang memerlukan bantuan.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas meninjau PKRC Dewan Jubli Perak di sini hari ini. Turut hadir Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan Datuk Dr Zaini Hussin.

Aminuddin berkata menerusi lawatannya itu, beliau dimaklumkan 30 hingga 50 petugas tambahan diperlukan di 13 PKRC di seluruh negeri ini.

"Saya akan bincang dengan JPA dan kerajaan negeri Kelantan berhubung keperluan tambahan petugas untuk bantu di PKRC ini," katanya. – BERNAMA




TERKINI PILIHAN PEMBACA
9m Tetap ambil berat soal rakyat walau bukan lagi PM
30m Guru sumbang telefon pintar, bakul makanan
30m Tentera Filipina tembak mati 16 anggota komunis
38m Awan sediakan pengusaha, komuniti hadapi norma baharu
43m Saya sudah lakukan yang terbaik - Tengku Zafrul
46m Hampir 50 peratus populasi lengkap dua dos vaksin
46m Prayut, 5 menteri berdepan undi tidak percaya di Parlimen
57m Prejudis, sikap negatif mampu runtuhkan sastera




NASIONAL Ogs 16, 2021 @ 12:03pm



NASIONAL Ogs 15, 2021 @ 6:04pm
Pastikan PPV tidak sesak